

DEWAN MAJLIS**Khamis, 11 Syaaban 1442 / 25 Mac 2021****YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN
(PERDANA MENTERI DAN
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah petang atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah petang atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah petang atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Tenaga, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah petang atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir sebelah pagi atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL. **(Tidak Hadir)**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, PSB.

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman, PSB., PIKB., PKL., Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong, Zon 2 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, PJK., PKL., Penghulu Mukim Liang, Zon 1 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput, PIKB., Ketua Kampung Labi I, Zon 2 - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong, SUB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Tanjong Maya, Zon 1 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Telisai, Zon 2 - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, SMB., PSB., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Bokok, Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Dimulihkan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PSB., PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)

Yang Dimulihkan Jurutulis:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada pagi ini hari yang kesebelas Khamis, 11 Syaaban 1442 bersamaan 25 Mac 2021 didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimulihkan Begawan Pehin Dato Paduka Awang Haji Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Abdul Hamid.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
 اللَّهُ الْحَمْدُ لِلَّهِ
 اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى
 kita bersyukur ke hadrat kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini, bersidang bagi hari yang kesebelas di Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سيدنا محمد صلى الله عليه وسلم, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada sebelah petang semalam, di Peringkat Jawatankuasa kita masih lagi membincangkan dan membahaskan Perkara VI - Rang Undang-Undang (2021) Perbekalan, 2021/2022 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Bagi membolehkan kita meneruskan perbincangan itu dan meneliti tajuk-tajuk bagi Rang Belanjawan seterusnya saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini bagi membolehkan kita untuk bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, majlis sekarang bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi meneliti dan menimbang Rang Undang-Undang (2021) Perbekalan, 2021/2022 satu per satu yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Pada sebelah petang semalam Mesyuarat Jawatankuasa telah selesai meluluskan tajuk-tajuk kementerian-kementerian kerajaan yang telah dijadikan sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini. Kita telah berpeluang mendengar mukadimah belanjawan ini di bawah Tajuk SP01A - Kemajuan, yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan

Menteri Kewangan dan Ekonomi II yang menjelaskan dengan terperinci tentang struktur penyediaan belanjawan keseluruhannya bagi Tajuk Kemajuan.

Sekarang, tibalah masanya bagi saya untuk membukakan tajuk Kemajuan ini untuk dibahaskan. Bersama saya terdapat beberapa Ahli Yang Berhormat yang suka turut serta untuk membahaskan tajuk ini dan saya persilakan dengan memulakannya dengan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.
 بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ
 وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى
 آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
 لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي. وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي. وَأَحْلِلْ عُقْدَةَ مِنِّ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

dan salam sejahtera.
 وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu, kaola merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas pembentangan semalam mengenai Anggaran Perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negara April 2021 hingga Mac 2022. Dalam Anggaran Perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negara ini, kaola menyentuh di bawah Sektor 1116 - Hal Ehwal Ugama - 005 - Masjid Baharu Skim Tanah Kurnia Rakyat

Jati Telisai yang harga Rancangan RKN-11 berjumlah \$5 juta. Berdasarkan peruntukan 2021/2022 hampir separuh daripada harga rancangan itu \$2,052,000.00 diperuntukkan dan bagi 2022 hingga 2023 pula diperuntukkan juga hampir separuh iaitu berjumlah \$2,111,750.00.

Untuk makluman, berita baik dan menggembirakan kepada penduduk kawasan berkenaan, maka ingin kaola mengetahui akan kedudukan pembinaan masjid ini tentang proses pelaksanaannya kerana peruntukan permulaan pada tahun 2020 ke 2021 telah diluluskan \$1,800,000.00. Kini belum kelihatan skop kerja yang telah dilakukan dengan peruntukan ini dan seterusnya kaola menyentuh di bawah Sektor 1113 - Kemudahan Awam dan Alam Sekitar - 007 - Kawalan Pesisir Pantai Kampung Danau.

Lebih dahulu kaola merakamkan setinggi penghargaan terima kasih atas pemeduliaan Kementerian Pembangunan kerana telah menyempurnakan sebahagian daripada projek ini yang telah menjadi kerisauan penduduk Kampung Danau dan Kampung Telisai sekian lama dengan sabar menanti walaupun ada sebahagian bangunan telah lenyap dipukul ombak. Pada tahun 2018, barulah bermula pembinaannya hingga sekarang. Kaola sendiri meninjau akan perkembangan projek pembinaan ini, hasilnya sungguh menggembirakan. Proses pembinaan telah menampakkan kemajuannya iaitu wujud semula tanah baharu yang sebelumnya beberapa keping tanah kehilangan 'batu geran'

dihakis ombak. Walau bagaimanapun, hakisan berlaku terus di kawasan yang tidak ada benteng kawalan sehingga melarat ke tebing Pantai Kampung Telisai. Kini hakisan ombak meroboh sebahagian pagar Taman Rekreasi Pantai Telisai, kemungkinan juga akan merebak terus sepanjang pantai hingga ke Pantai Sungai Liang.

Pada tahun 2020 hingga 2021, diluluskan \$476,330.00 dan pada tahun 2021,2022 hingga 2024 jumlahnya \$534,000.00. Daripada Anggaran Perbelanjaan ini belum sampai \$1 juta seperti dirancangan dalam RKN-11. Sehubungan dengan itu, apakah ada lagi perancangan selanjutnya bagi pembinaan kawalan sepanjang Pantai Kampung Telisai dan terjejas menggunakan Anggaran Perbelanjaan Kemajuan ini? Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Ekonomi II: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin merujuk kepada soalan ke-2 Yang Berhormat kepada rakan sejawatan kaola Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Mengenai kawalan pesisir sepanjang Pantai Kampung Danau. Apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat tadi, sebenarnya perbelanjaan sehingga 2021 sudah membelanjai \$4.7 juta bukannya \$500 lebih ribu yang disampaikan oleh Yang Berhormat. Memang peruntukan mempunyai baki lebih kurang \$2.3 juta, jika ada keperluan untuk memajukan lagi kerja-kerja untuk mengubah suai

ataupun menjaga kawalan sepanjang Pantai Kampung Danau itu ada dan masih lagi diperuntukkan dan masih lagi ada untuk dilaksanakan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Ugama: Yang Berhormat Pengerusi, kaola merujuk mengenai Yang Berhormat berhubung dengan masjid Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Telisai yang diperuntukkan dalam RKN-11 yang diberikan pada tahun lepas dan juga pada tahun ini, sejauh apa skop kerja yang dibuat? Kaola dimaklumkan bahawa skop kerja yang ada pada masa ini ialah penyediaan konsep *design* yang di peringkat awalnya telah siap dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan dibawa kepada peringkat pegawai di kementerian untuk dilihat bersama pada hujung bulan ini iaitu pada 30 Mac nanti. Peruntukan yang ada \$1.8 juta itu adalah bagi kerja-kerja awal kajian tanah (*soil investigation*) dan juga bayaran yuran kepada *consultant*. Ringkasnya, projek ini sedang aktif berjalan dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kalau tidak banyak 'gundalanya' ia akan dapat dilaksanakan dalam jangka yang kita harap-harapkan.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

Kaola suka ingin membawa di bawah Sektor 1116 Gelaran 003 - Masjid baharu RPN Kampung Lugu. Dengan peruntukan \$5 juta yang telah diluluskan dalam RKN-11 dalam perbelanjaan tahun 2020/2021. Kaola menjunjung kasih yang setinggi-tinggi atas kurnia berkenaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah meluluskan peruntukan pembinaan Majsid Rancangan Perumahan Negara Kampung Lugu dengan peruntukan \$5 juta.

Seterusnya Sektor 1101 Gelaran 002 – Membina Skim Pengairan tambahan bagi kawasan penanaman padi di seluruh Daerah. Diperuntukkan dalam RKN-11 dengan rancangan peruntukan \$10 juta. Bilakah akan berfungsi sepenuhnya pengairan kawasan padi dalam Mukim Pengkalan Batu?

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Ugama: Kaola fahami Yang Berhormat cuma menyembahkan rasa junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana memperuntukkan dalam RKN-11 bagi pembinaan Masjid Kampung Lugu dan Yang Berhormat tidak

mempunyai komen apa-apa maka kaola setakat itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Kaola pun mengucapkan terima kasih atas perhatian Yang Berhormat itu sebagai pemimpin akar umbi kawasan luar bandar terutama sekali kawasan Yang Berhormat mewakili zon tersebut.

Hal-hal seperti inilah yang kitani mahu ketahui sejauh mana respons ataupun reaksi daripada rakyat dan penduduk terhadap perancangan-perancangan kerajaan dan sejauh mana mereka merasakan keterlibatan dalam rancangan itu untuk menjayakannya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Adakah reaksi terhadap soalan mengenai pengairan Mukim Pengkalan Batu.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Barangkali untuk menjawab soalan mengenai pengairan Mukim Pengkalan Batu, 'bisainya' menunggu Yang Berhormat Menteri Pembangunan atau Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk menjawab soalan ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Dengan itu saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman.

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman: Terima kasih Yang

Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Pertama kaola sangat-sangat merakamkan penghargaan mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II mengenai perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negara April 2021 hingga Mac 2022.

Kaola ingin menyentuh mengenai dengan di bawah Sektor - 1116 Gelaran 001 - Masjid Baharu Rancangan Perumahan Negara Kampung Mengkubau. Gelaran 002 - Masjid Baharu Rancangan Perumahan Negara Kampung Meragang. Sepertimana yang dinyatakan harga rancangan dalam RKN-11 iaitu \$5 juta.

Kaola ingin bertanya pada tahun 2019 hingga 2020 perkara ini telah diluluskan dengan harga \$2,475,000.00 dan pada tahun 2020 hingga 2021 dengan \$1,869,790.00 telah diluluskan. Begitu juga dengan Masjid baharu Rancangan Perumahan Negara Kampung Meragang, pada tahun 2019 hingga 2020 yang diluluskan adalah \$2,075,000.00 dan bagi tahun 2020 hingga 2021 \$1,800,000.00.

Kaola ingin bertanya adakah perkembangan untuk membina kedua-dua masjid-masjid itu telah pun berjalan pada masa ataupun tahun yang disebutkan itu? Kaola ingin memohon pencerahannya mengenai dengan kedua-dua masjid itu.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat mengenai kedua-dua buah kampung di kedua-dua Masjid Rancangan Perumahan Negara Mengkubau dan Rancangan Perumahan Negara Meragang. Memang betul apa Yang Berhormat sebutkan tadi kedua-dua buah masjid ini sudah ada peruntukannya dalam rancangan 2018, 2019, 2020 dan seterusnya sekarang ini.

Dalam mukadimah kaola ucapan menyokong sembah menjunjung kasih ada kaola menyebutkan tentang progres kedua-dua buah masjid ini Yang Berhormat Pengerusi. Tentulah Yang Berhormat sudah mengetahui tinggal lagi Yang Berhormat ingin tahu mengapa peruntukan-peruntukan sebelum ini seolah-olah tidak digunakan dan macam itulah rancangan ini dibiarkan. Sebenarnya tidak, pada masa itu sudah dikerjakan bahkan kalau Yang Berhormat tahu lebih awal sejarahnya lagi kedua-dua projek ini sebelum tahun-tahun yang disebutkan itu sudah ada. Bahkan sudah sampai ke peringkat tawaran.

Setelah tawaran nampaknya kerana harganya besar, *ratanya* tinggi dan yang kedua adakah keperluan masjid sebesar itu dengan saiznya sebesar itu bagi penduduk yang mana bukan dikira semata-mata penduduk yang ada dalam rancangan perumahannya memang ramai tetapi dikira juga kawasan-kawasan sekitarnya. Misalnya jikalau

Kampung Mengkubau ada masjid, Kampung Meragang ada masjid jadi ertinya kedua-duanya sudah dapat menampung kira-kira dalam 5 ke 6 tahun.

Skop kerja telah diturunkan, dikurangkan. Demikian itu disambung dengan skop kerja yang baharu. Skop kerja yang baharu inilah masjid ini sangat giat dilaksanakan sebagaimana yang disebutkan dalam ucapan kaola pada masa itu bagi maksud Kampung Mengkubau yang ia ada pada peringkat masa ini dalam bulan Mac tahun ini ada perhubungan untuk penjelasan-penjelasan yang dikehendaki oleh Lembaga Tender Negara untuk diberikan. Maka sudah dibuka dan sudah pun minta penjelasan dan segala-galanya telah dibuat, dilakukan oleh pihak *client* Kementerian Hal Ehwal Ugama menjelaskannya.

Seterusnya dengan penjelasan-penjelasan itu mudah-mudahanlah kitani menunggu tidak lagi tergendala dan akan di*award* kepada yang layak menerima atau memenangi tawaran tersebut. Itu bagi masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Mengkubau, sementara Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Meragang dibuka tawaran pada 20 Februari 2021 yang lalu dan ditutup pada bulan Mac 2021 yakni status terkini ada di dalam *assessment*.

Jadi maknanya rancangan ini aktif Yang Berhormat Pengerusi kalau kitani melihat ke belakang itulah sejarah ringkasnya memang dalam RKN-11

memandangkan kawasan perumahan itu memerlukan masjid tetapi dalam keadaan ketiadaan masjid, tiba-tiba masjid di Kampung Perpindahan Mentiri telah dibangunkan semula dengan *size* yang besar dan pada masa ini kita mengetahui sebahagian besar daripada penduduk-penduduk di Kampung Mengkubau menjadi jemaah masjid di Kampung Mentiri dan masjid-masjid lainnya yang berdekatan Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sebagai menambah sahaja untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman mengenai Masjid Kampung Mengkubau, pada masa ini telah pun ditimbang oleh Lembaga Tawaran Negara pada bulan Mac baru-baru ini **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** dengan kelulusan nanti kerja-kerja untuk membina masjid ini dapatlah diteruskan.

Mengenai Masjid Kampung Meragang pada masa ini masih lagi dalam peringkat penyelarasan reka bentuk antara Kementerian Hal Ehwal Ugama dan JKR. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Sebelumnya kaola menarik diri daripada menyoyal. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Awang Haji Tahamit menarik diri dan tidak menyoyal lagi. Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas mukadimah semalam yang jelas dan komprehensif. Saya akui di bawah projek-projek Rancangan Kemajuan Negara yang Ke-11 banyak perubahan telah dapat dilihat dalam pembangunan negara **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** setakat ini seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri, sebanyak 20 projek iaitu 11% telah siap dilaksanakan, sejumlah 77 projek iaitu 41% dalam pelaksanaan dan masih terdapat lebih 43% projek-projek dalam *early stage*.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ mudah-mudahan semua projek ini dapat disiapkan dan dilaksanakan *within* 2023. Ini juga menjadi salah satu kebimbangan kerana kita semakin hampir menamatkan Rancangan Kemajuan Negara yang Ke-11 iaitu 2 tahun lagi sebelum menginjak ke tahun 2023. Sayangnya sebanyak 30 projek dari Rancangan Kemajuan Negara yang

kesepuluh telah ditunda dan dimasukkan pelaksanaannya ke dalam tempoh Rancangan Kemajuan Negara yang Ke-11.

Projek-projek RKN-11 bertindak sebagai tulang belakang dalam usaha kita dalam mencapai Wawasan Brunei 2035. Apabila direnungkan kita masih samar-samar dengan pencapaian Wawasan Brunei 2035 sehingga kini. Bagi mendukung pelaksanaan Wawasan Brunei 2035 melalui Rancangan Kemajuan Negara beberapa pelan induk dan strategik rangka kerja mahupun *blueprint* telah dilancarkan oleh pihak kerajaan, 2 daripadanya ialah *Digital Economic Masterplan 2025 (DEM)* dan Brunei Darussalam *Economic Blueprint*. *DEM* merangkumi objektif program dan inisiatif yang mengintegrasikan semua kementerian dan inisiatif daripada pihak swasta untuk mencapai ekonomi digital yang mampan.

Ketelusan *masterplan* ini sangat jelas dari segi *key project deliverables* 2025, manakala *Economic Blueprint* pula merangkumi projek dan inisiatif yang telah diintegrasikan dan difokuskan dalam matlamat 3, Wawasan Brunei 2035 iaitu *economy* yang dinamik yang berdaya tahan termasuk projek-projek Pelabur Asing Langsung (*FDI*), akan tetapi kita masih belum mempunyai sebarang pelan atau *blueprint* seperti ini bagi Matlamat 1 dan Matlamat 2. Dengan adanya pelan-pelan bagi semua matlamat serta rangka kerja ia akan membantu kita untuk mencapai Wawasan Brunei 2035 kita dengan lebih jelas, teratur dan efisien.

Saya berpendapat kita haruslah mempunyai garis panduan yang jelas dan telus, *with key project deliverable indicator* untuk melaksanakan inisiatif dalam mencapai Wawasan Brunei 2035 yang diselaraskan pada projek-projek Rancangan Kemajuan Negara. Merujuk Peruntukan Kemajuan dan Buku Rancangan Kemajuan Sebelas sebanyak 189 projek kemajuan dibahagikan kepada 3 Matlamat Wawasan Brunei 2035:

1. 30.7% dari harga peruntukan \$3.5 bilion dalam matlamat satu iaitu Penduduk Yang Berpendidikan Tinggi, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya.;
2. 68.8% dalam matlamat kedua iaitu Kualiti Hidup Yang Tinggi; dan
3. 11.7% dari harga peruntukan bagi matlamat ketiga.

Adalah difahami projek-projek Pelaburan Langsung Asing akan membantu dan mengembangkan ekonomi negara. Saya ingin mengambil perhatian bahawa hanya tinggal 2 RKN sahaja lagi, RKN-12 dan RKN-13 sebelum kita mencapai Wawasan Brunei 2035. Saya ingin mencadangkan bahawa projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 nanti dapat dirancang dan diberigakan dengan lebih jelas secara bersepadu dan perlunya ada *short term* dan *long term key deliverables*.

Rancangan strategik juga haruslah dirangka lebih awal untuk RKN seterusnya dengan kerjasama semua

pihak yang terlibat terutama sekali kementerian-kementerian yang menerajui projek-projek utama RKN itu nanti. Kementerian-kementerian juga disarankan untuk memantau projek-projek RKN dengan lebih dekat. Sekian Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Cuba kaola kan menangkap sama ada Yang Berhormat menyoal atau memberi satu *statement* sahaja. Walau bagaimanapun, kaola mengambil kesempatan ini untuk menerangkan lagi macam mana kitani menyediakan RKN untuk menyokong Wawasan Brunei 2035.

Pada masa ini memang benar, matlamat 3, kitani sudah terdapat *Economic Blueprint* dengan sendirinya dapat kitani merancang *roadmap-roadmap* supaya kitani majukan beberapa sektor-sektor *priority* dalam *Economic Blueprint* kitani. Pada masa ini usaha-usaha untuk mengadakan *blueprint* bagi matlamat 1 dan matlamat 2 sedang dirancangan. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** pada masa depan pun sudah siap memang akan diberigakan kepada orang ramai.

Mengenai peruntukan matlamat 1,2 dan 3 masing-masing, sepertimana Yang Berhormat tadi sampaikan kebanyakan peruntukan diberi kepada matlamat yang kedua yang matlamat ketiga hanya 11.7% tetapi *percentage depend on* macam mana kita mengiranya. Kalau bagi kaola mengira *economic development* matlamat 3 itu 13% tetapi

doesn't matter at the end of the day masih juga matlamat 2 itu paling tinggi tetapi kitani tidak boleh melihat cara kitani, jumlah di bawah matlamat 1,2 dan 3 yang memang cara kitani *categorise* peruntukan ini di bawah matlamat 1,2 dan 3 masing-masing itu kitani ikut *direct impact, the nature of work*.

Jadi seperti kitani membuat projek di matlamat kedua membuat *infrastructure* jadi memang *direct impact* itu kepada *infrastructure*, matlamat kedua tetapi *indirect benefit* ia akan menguntungkan matlamat ketiga jika sekiranya kitani kukuhkan lagi sistem rangkaian elektrik kitani dengan sendirinya ia dapat menyokong kitani menarik ke *FDI* ke dalam negeri mengikut *infrastructure* yang bagus dan meningkatkan peluang kita menarik lagi banyak *FDI* ke dalam negeri. Dengan sendirinya menyokong matlamat yang ketiga dengan infrastruktur yang bagus, sekolah dan sebagainya. Memang menyokong jua matlamat yang pertama walaupun sekolah itu dikategorikan di bawah matlamat yang kedua.

Itulah yang barangkali kita tidak boleh melihat jumlah kita. Memang dikira *direct impact* kepada di bawah matlamat masing-masing. Satu lagi kaola tambah, kalau kita lihat peruntukan ini sepertimana di *Economic Blueprint*, untuk menyokong beberapa usaha untuk mempelbagaikan lagi kita punya ekonomi, bukan sahaja diharapkan peruntukan dari RKN, ada juga Peruntukan Berulang-Ulang dan dapat

menyokong usaha-usaha kita tetapi yang pentingnya ada juga dana dari *FDI, GLC*, mungkin *financing* dari *the bank and so on*. Itulah barangkali, kita tidak boleh lihat dari segi berapa saja RKN sediakan sebagai satu *KPI* dan sebagainya. Itulah barangkali usaha kita untuk memajukan negara dengan infrastruktur dan sekolah dan ekonomi ini. Memang kita di bawah wawasan kita melihat macam mana kita dapat mencapai KPI secepat mungkin. Itu saja Yang Berhormat Pengerusi yang kaola dapat sampaikan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita telah pun mendengar penjelasan-penjelasan dari Ahli-Ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri berkenaan dengan kewahaman dan soal-soal yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat berhubung dengan Tajuk SP01A - Kemajuan ini, saya kira tidak ada lagi.

Ya, Yang Behormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi peluang bagi saya untuk menyampaikan perkara dengan ringkas.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Soalan kaola ringkas saja. Pada tahun kebelakangan ini, kawasan Kampung Sungai Akar mengalami kejadian banjir dan hakisan di tebing sungai.

Kaola ingin mengetahui, jika projek saliran di kawasan ini ada dimasukkan di dalam Perancangan Belanjawan Rancangan Kemajuan Tahun Kewangan ini.

Sekian saja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Memandangkan rakan sejawatan kaola tidak ada di sini iaitu Menteri Pembangunan, kaola cuba menjawab soalan ini. Pada masa ini, kalau sekiranya kerja-kerja yang memerlukan peruntukan untuk dilaksanakan walaupun kalau sekiranya tidak ada dalam RKN, dalam Bajet Berulang-Ulang, kita memang berusaha untuk mencari bajet peruntukan supaya yang *urgent* dapat kita laksanakan. Tidak semestinya tunggu RKN ada, baru kita buat. Kalau sudah menunggu RKN, barangkali terpaksa menunggu bertahun-tahun lagi. Kalau sekiranya kerja itu *urgent*, terpaksa kita mencari jalan yang sesuai untuk dilaksanakan kerja yang *urgent* itu.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Oleh sebab tidak ada lagi nampaknya yang suka untuk turut serta dalam membahaskan tajuk ini, maka saya fikir masanya sudah tiba bagi kita untuk mengundi tajuk ini.

Jadi, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, supaya Tajuk SP01A - Kemajuan diluluskan, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Semuanya bersetuju.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk SP01A - Kemajuan dijadikan sebahagian daripada jadual. Tajuk Bab 1 Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat Kuasa.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sekarang membincangkan mengenai Bab 1 Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat Kuasa Akta ini yang bergelar Perbekalan 2021/2022 dan hendaklah bermula berjalan berkuat kuasa pada 1 April 2021. Saya kira Tajuk Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat Kuasa ini, tidak perlu kita bahaskan lagi.

Oleh yang demikian, adakah Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju supaya Gelaran Pendek dan Tarikh Permulaan Berkuat kuasa Akta ini diluluskan. Yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Semuanya bersetuju.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Tajuk Bab 1 Gelaran Pendek dan Permulaan Kuat kuasa dijadikan sebagai Rang Undang-Undang.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** Kita telah pun selesai membincangkan dan meluluskan semua tajuk yang terdapat dalam jadual bagi Rang Undang-Undang (2021), Perbekalan 2021/2022. Saya ingin mengambil kesempatan ini dengan tulus ikhlas untuk mengucapkan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana menunjukkan kerjasama dan muafakat yang padu selayaknya semasa perbincangan membahaskan Rang Undang-Undang ini sehingga selesai pada hari ini tadi.

Oleh yang demikian, bagi membolehkan kita membincangkan perkara-perkara seterusnya, saya ingin mencadangkan supaya kita bersidang semula di Peringkat Majlis Mesyuarat Negara.

(Majlis Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: **بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ** Kita sekarang bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Oleh yang demikian, bagi membolehkan peraturan perundangan dalam meluluskan Rang Undang-Undang (2021), Perbekalan 2021/2022 ini yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, rang ini akan dibaca bagi kali ketiga sebelum rang ini kita luluskan untuk dijadikan akta.

Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola ingin memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang yang bergelar **"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2021/2022 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"** telah pun dipertimbangkan dan diteliti satu per satu dalam Persidangan Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tidak ada apa-apa pindaan.

Oleh yang demikian, kaola memohon izin Yang Berhormat Yang Di-Pertua, untuk mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dapat dibaca bagi kali ketiga dan seterusnya untuk diluluskan. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, sebentar tadi telah menyatakan pada Majlis Mesyuarat Negara ini bahawa Rang Undang-Undang Yang Bergelar: **"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2021/2022 dan untuk**

memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu" supaya dapat dibaca bagi kali ketiga. Adakah seorang Ahli Yang Berhormat yang suka untuk menyokong cadangan ini?

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya menyokong sepenuhnya cadangan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Rang Undang-Undang (2021), Perbekalan 2021/2022 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, dicadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca bagi kali ketiga dan seterusnya diluluskan. Cadangan ini telah mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Adakah Ahli Yang Berhormat bersetuju, akan cadangan ini? Sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Semuanya bersetuju.

Yang Dimuliakan Jurutulis: "Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang Dari Kumpulanwang Yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2021/2022 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu."

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** Persidangan Majlis Mesyuarat Negara telah pun selesai meluluskan dengan jayanya, Akta Undang-Undang 2021, Perbekalan 2021/2022 dan Akta ini akan berjalan kuat kuasanya mulai pada 1 April 2021. Sekarang, kita berpindah ke perkara selanjutnya.

Yang Dimuliakan Jurutulis: Perkara VII - Ketetapan Bilangan 1. Ketetapan di bawah Fasal 83 (7), dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Izinkan kaola menerangkan secara ringkas mengenai kertas yang dibentangkan di atas meja.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebanyak 17 Perintah-Perintah yang telah disenaraikan dan Perintah-Perintah

tersebut telah dikurniakan perkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddn Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, untuk diguna pakai.

Untuk makluman Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bahawa sebahagian daripada Perintah-Perintah ini sudah pun berjalan dan diguna pakai pada tahun 2020 yang lalu, dan sebahagian lagi telah mula berjalan pada tahun 2021. Kesemua Perintah ini telah diterbitkan dalam Warta Kerajaan menurut Peraturan dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Perintah-Perintah ini telah pun diteliti dengan sehalus-halusnya dengan tujuan memastikan ia berjalan dengan teratur. Oleh sebab Perintah-Perintah ini telah pun dikurniakan perkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka kaola berpendapat tidaklah perlu kita membahaskan dan sebaliknya lebih bersesuaian untuk diluluskan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Keterangan ringkas mengenai Perintah-Perintah yang kaola sebutkan terdapat dan tersenarai dalam kertas Majlis Mesyuarat Negara No. 1, Tahun 2021. Oleh yang demikian, izinkan kaola sekarang untuk mencadangkan sebuah ketetapan yang berbunyi: "Majlis ini membuat ketetapan

menurut Fasal 7 Perkara 83, daripada Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959, bahawa tiap-tiap Perintah yang dibuat di bawah Fasal 3 Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas No. 1, Tahun 2021 adalah masing-masing mulai dari tarikh Perintah-Perintah itu diluluskan.”

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah mencadangkan satu Ketetapan di bawah Fasal 83 (7) daripada Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959.

Adakah antara Ahli Yang Berhormat yang ingin menyokong cadangan ini?

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola menyokong cadangan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah pun mengemukakan sebuah Ketetapan di bawah Fasal 83 (7) daripada Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959. Perkara ini mendapat

sokongan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Sebagaimana jua yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sebentar tadi, bahawa kebanyakan ataupun kesemua Undang-Undang yang disenaraikan dalam Kertas No. 1, Tahun 2021 telah pun diluluskan dan sebahagian Undang-Undang tersebut telah berjalan dan berkuat kuasa pada masa ini. Oleh yang demikian, saya juga berpendapat bahawa perkara ini tidaklah perlu bagi kita untuk membahaskannya lagi. Maka, ada baiknya Ketetapan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri itu, kita luluskan.

Sekarang, saya minta Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, supaya mengangkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Semuanya bersetuju.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Ketetapan yang kedua di bawah Bab 4 (2), dari Akta Kumpulanwang Kemajuan Penggal 136, akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola memohon izin kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua dalam Dewan yang mulia ini, untuk mencadangkan bahawa majlis ini dengan membuat Ketetapan seperti yang dikehendaki oleh Bab 4 (2) dari Akta Kumpulanwang Kemajuan Penggal 136, bahawa perbelanjaan sejumlah \$600 juta untuk dibenarkan, diperuntukkan dan dipohonkan dari Kumpulanwang Kemajuan untuk maksud-maksud tersebut di bawah ini. Dan disebutkan dalam Anggaran Perbelanjaan Kemajuan 2021/2022 dibentangkan sebagai Kertas No.2 Tahun 2021. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, butir-butir Perbelanjaan Kemajuan dalam tahun tersebut dinyatakan dalam Anggaran-Anggaran Hasil dan Perbelanjaan bagi tahun itu yang dibentangkan di atas meja sebagai Kertas No.2 Tahun 2021.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat cadangan Peruntukan Rancangan Kemajuan Negara ini telah pun kita bincangkan secara terperinci dan panjang lebar dalam satu sidang Jawatankuasa dan telah pun diluluskan dengan tiada pindaan. Maka, kaola sekarang ingin menyatakan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meneruskan rancangan-rancangan tersebut sebagaimana yang telah dirancangan.

Dari itu kaola sukacita mencadangkan supaya majlis ini menetapkan dan menurut majlis ini dengan ini membuat ketetapan seperti yang dikehendaki oleh Bab 4(2) Dari Akta Kumpulan Wang Kemajuan Penggal 136 bahawa perbelanjaan sejumlah \$600 juta untuk dibenarkan, diperuntukkan dan dipohonkan dari Kumpulan Wang Kemajuan untuk maksud-maksud tersebut di bawah ini dan disebutkan dalam Anggaran Kemajuan 2021/2022 dibentangkan sebagai Kertas No. 2 Tahun 2021.

Sekian. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah mencadangkan sebuah Ketetapan di bawah Bab 4(2) Dari Akta Kumpulan Wang Kemajuan Penggal 136. Adakah salah seorang antara Ahli Yang Berhormat ingin untuk menyokong cadangan ini?.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola menyokong sepenuhnya cadangan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Sekian. Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Ahli-Ahli

Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah mengemukakan sebuah Ketetapan di bawah Bab 4(2) Dari Akta Kumpulanwang Kemajuan Penggal 136 Negara Brunei Darussalam dan cadangan ini telah pun mendapat sokongan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Sebagaimana yang dinyatakan tadi bahawa semua peruntukkan Kumpulanwang Kemajuan ini telah pun diluluskan dan kita jadikan Akta.

Oleh yang demikian perkara ini tidak lagi perlu untuk dibahaskan maka ada baiknya Ketetapan ini sekarang kita undi. Ahli-Ahli yang bersetuju bagi Ketetapan ini dibenarkan. Sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih. **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** semua Ahli Yang Berhormat bersetuju, maka Ketetapan ini diluluskan. Ahli-Ahli Yang Berhormat atas kerjasama dan kewibawaan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat semua Persidangan Majlis Mesyuarat Negara telah menyelesaikan dan meluluskan Ketetapan-Ketetapan dalam Perkara VII.

Yang Dimulihkan Jurutulis: Perkara VIII, Ucapan-Ucapan Penangguhan ini akan disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ**

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** Kita bersyukur ke hadrat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** kerana dengan izin-Nya jua kita telah dapat bersidang selama sebelas hari dalam Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2021. **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** kita telah dapat meluluskan beberapa akta penting khususnya Akta Perbekalan 2021/2022. Dengannya akan membolehkan kerajaan **اللَّهُ إِنْ شَاءَ اللَّهُ** untuk melaksanakan inisiatif dan rancangan pembangunan negara yang dapat merangsangkan pertumbuhan ekonomi dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini sentiasa terjamin. Sebelum kaola meneruskan ucapan ini, dikesempatan ini kaola dengan penuh hormat sukacita mengucapkan tahniah setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kebijaksanaan dan kewibawaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dalam memimpin Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara kita dengan sungguh lancar dan teratur lagi efisien sehingga dapat mencapai tujuannya iaitu pada meneliti dengan terperinci dan meluluskan Undang-Undang Perbekalan 2021/2022.

Kaola ingin juga merakamkan penghargaan dan terima kasih atas segala pengamatan yang teliti,

pandangan, nasihat dan pemikiran bernas yang menfokuskan kepada saranan-saranan, penambahbaikan mahupun pembaharuan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dalam Majlis Mesyuarat Negara ini.

Kita sama-sama bersyukur ke hadrat *اللّٰهُ سُبْحٰنَهُ وَتَعَالٰى* kerana walaupun dalam keadaan ekonomi dunia tidak menentu yang negara masih menanggung defisit di samping berhadapan dengan impak pandemik *COVID-19* sejak awal bulan Mac 2020, negara kita dengan izin *اللّٰهُ* dan dengan berkat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam masih mampu mencatatkan kadar pertumbuhan yang menggalakkan di samping menikmati beberapa pembaharuan yang signifikan dari sudut infrastruktur demi memelihara ketenteraman dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Oleh itu, seperti yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II pada awal mesyuarat ini, fokus kewangan pada tahun ini ditumpukan kepada tiga perkara iaitu:

1. Meningkatkan produktiviti negara.;
2. Penyediaan kemudahan dan infrastruktur yang mampan (*sustainable*) dan berdaya tahan, *resilient* untuk kesejahteraan awam dan perkembangan ekonomi.; dan
3. Menjana sumber manusia yang kompeten dan *employable*.

الحمد لله melalui 3 fokus utama ini, kita telah dapat membincangkan rancangan-rancangan kerajaan bagi tahun 2021/2022, mendengar cadangan dan pandangan terutama sekali dalam mempelbagaikan ekonomi negara termasuk usaha-usaha mengukuhkan kedayatahan fiskal negara, meningkatkan kapasiti anak-anak tempatan dan memantapkan kesejahteraan dan keselamatan rakyat dan penduduk negara ini. Cadangan, saranan serta pandangan-pandangan yang diketengahkan di Dewan ini akan membantu pihak kerajaan dalam meneliti rancangan-rancangan yang sedang dan akan dilaksanakan. Kerajaan akan mengambil perhatian dan meneliti kesesuaiannya untuk dilaksanakan menurut keutamaan dan bagi penambahbaikan semata-mata bagi memangkin kebajikan dan kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk negara ini menuju sasaran Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mengenai isu pengangguran kita telah menyaksikan akan kejayaan usaha dan rancangan yang dilaksanakan oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang bertanggungjawab ke arah menyediakan peluang-peluang pekerjaan, meningkatkan *marketability* dan *employability* anak-anak tempatan dan dengannya menurunkan kadar pengangguran di negara ini. Begitu juga dengan perubahan minda yang ditunjukkan oleh para belia dan pencari kerja yang berasaskan maklumat *JobCentre Brunei* 65% atau 4,304 jawatan kosong berjaya diisikan. Malah

tidak dinafikan sebahagiannya termasuk para graduan meneroka bidang keusahawanan yang mencerminkan sikap *innovative* dan *creative* mereka.

Kita juga telah mendengar inisiatif-inisiatif yang telah dibentangkan oleh kementerian-kementerian dalam mengembang maju sektor-sektor seperti pembinaan, pembangunan, pendidikan teknologi dan lain-lain khusus bagi membantu mengurangkan isu pengangguran di negara ini ke arah yang kaola percaya dengan adanya konsep *whole of government* dan *whole of nation approach* kita akan sama-sama mencapai salah satu hasrat negara iaitu rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya sebelum tahun 2035.

Mengenai meningkatkan produktiviti negara bagi mempelbagaikan ekonomi pula **الْحَمْدُ لِلَّهِ** kita berterima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kerana telah mengutarakan cadangan-cadangan bagi sama-sama membantu mengurangkan kebergantungan pada minyak dan gas dan seterusnya mengenai cara-cara kita mengawal defisit sama ada dengan meningkatkan hasil atau mengurangkan perbelanjaan.

Kita di Dewan ini telah mendengar usaha-usaha yang dibentangkan oleh kementerian-kementerian bagi sama-sama mempelbagaikan ekonomi dan mengukuhkan kedayatahan sosioekonomi negara bahawa pihak kerajaan akan terus bekerjasama dengan pihak swasta termasuk *government link companies*, perusahaan mikro kecil dan

sederhana dalam menyediakan kemudahan-kemudahan dan insentif serta memanfaatkan teknologi terkini agar produk-produk yang dihasilkan lebih kompetitif dan berupaya menembusi pasaran luar negara melalui *export* perdagangan.

Ini termasuk penyediaan Brunei Darussalam *Economic Blue Print Towards A Dynamic And Sustainable Economy, Digital Economy Master Plan*, Sistem Kebajikan Nasional (SKN), Dasar Protokol Hijau dan Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam dan Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035. Usaha-usaha ini **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** bukan saja merangsang pertumbuhan ekonomi bahkan juga memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa terjamin.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada era yang serba digital ini dunia sedang memasuki *food industrial revolution*. Kita telah juga mendengar usaha-usaha kementerian-kementerian yang berterusan bagi meningkatkan inisiatif ke arah *digitalization* sebagai persediaan landasan untuk memantapkan ekonomi digital negara. Antara lain Sistem Pengurusan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam, Sistem Kebajikan Nasional (SKN), Projek *Immigration and National Registration System (INARS)*, projek *Labour Management Information Systems (LMIS)*, *One Common Billing System*, *Treasury Counting Financial Informations Systems*, TAFIS 2.0 dan lain-lain.

Dengan adanya sistem-sistem ini diharapkan akan dapat meningkatkan kualiti kerja dan menyediakan kemudahan yang mantap dan efektif kepada orang ramai. Kaola juga percaya dengan adanya usaha berterusan ini, kerajaan akan dapat menarik lebih banyak pelabur asing untuk melabur ke negara ini. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* kerajaan akan sentiasa berusaha untuk menyediakan ekosistem yang kondusif bagi menyediakan Negara Brunei Darussalam destinasi menarik bagi *FDI*. Dengan adanya kehadiran syarikat-syarikat ini ia akan dapat sedikit sebanyak membantu membangunkan negara dan meningkatkan kadar pekerjaan bagi anak-anak tempatan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Di Dewan ini juga Ahli-Ahli Yang Berhormat telah menyuarakan permasalahan yang dihadapi oleh orang ramai. Izinkan kaola merujuk mengenai isu pengambilan pembantu rumah. Kita mengambil perhatian bahawa sejak berlakunya *COVID-19* di negara ini, pada bulan Mac 2020, kerajaan sehingga hari ini hanya memberikan pertimbangan untuk mendatangkan pekerja-pekerja warga negara asing dalam bidang yang *essential* dan benar-benar diperlukan dari luar negeri sebagai langkah berwaspada dalam membendung penularan wabak penularan ini.

Dengan keadaan ini dan menilai situasi *COVID-19* di negara-negara jiran di rantau ini, kerajaan telah pun membenarkan pembantu rumah dan pemandu persendirian yang telah pun

kembali bercuti ke negara asal mereka semasa *COVID-19* dan terjejas untuk balik ke negara ini bagi mereka ini dibenarkan balik berkhidmat ke negara ini dengan mematuhi peraturan-peraturan yang berjalan pada masa ini termasuk menjalani ujian *swab* dan pengasingan diri mandatori apabila tiba di negara ini.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ pihak kerajaan akan terus menilai keadaan ini dari semasa ke semasa bagi membantu meringankan masalah mendatangkan pekerja, pembantu rumah dan pemandu persendirian dari luar negeri. Kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini juga sangat diambil berat bukan sahaja oleh pihak kerajaan malah pertubuhan bukan kerajaan, persatuan, persekutuan, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan pihak swasta yang terus memberikan sumbangan dan perhatian dalam berbagai bentuk.

Sehubungan itu, institusi mukim dan kampung, Program Satu Kampung Satu Keluarga hendaklah sama-sama memperkasa untuk membantu mereka yang memerlukan termasuk orang-orang tua yang tidak berkeluarga dan kanak-kanak yang ibu atau bapanya atau kedua-duanya dipenjarakan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Permasalahan mengenai anjing liar juga masih hangat dibahaskan, kaola ingin mengucapkan penghargaan yang setinggi-tingginya dan terima kasih kepada Sejahtera *Community* sebagai

sebuah pertubuhan bukan kerajaan kerana sama-sama dalam membantu menguruskan anjing-anjing liar. Kaola berharap agar kita masyarakat di negara ini akan dapat menghulurkan sokongan dan bantuan kepada Sejahtera *Community* dalam usaha berkebajikan ini.

Izinkan juga kaola menyentuh mengenai kebersihan. Sehingga hari ini berbagai-bagai usaha telah dilaksanakan oleh agensi-agensi berkenaan bagi mengatasi isu dan masalah kebersihan. Walau bagaimanapun, kita masih belum berpuas hati dengan tahap kebersihan tersebut. Kita perlu meneliti sejauh mana keberkesanan kita menerusi badan-badan petugas dan dengan melalui *whole of nations approach* berjaya mengatasi masalah-masalah bukan sahaja pembuangan sampah malah menjaga kebersihan secara keseluruhannya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sama-sama maklum dan sedar bahawa pendekatan *whole of nations* amat diperlukan bagi menangani isu-isu yang memerlukan koordinasi dan sokongan daripada pelbagai pihak kerajaan dan bukan kerajaan seperti isu pengangguran, isu pekerja asing, menjana ekonomi dan seumpamanya. Untuk itu Dewan yang mulia ini, kita mengharapkan pendekatan yang kita sering gunakan ini akan benar-benar dapat direalisasikan rancangan-rancangan yang telah dikongsikan di Dewan yang mulia ini menunjukkan bahawa kita mempunyai impian dan aspirasi untuk merealisasikan Brunei

Maju dan Wawasan Brunei 2035. Marilah kita sama-sama melangkah ke hadapan dan menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah negara yang cemerlang lagi dihormati dengan ekonomi yang berkembang dan rakyat yang berkualiti dan bernilai tinggi.

Dalam masa yang sama, kita juga perlu sentiasa bijak menangani sumber yang sedia ada di samping meraih peluang-peluang lain di hadapan kita baik dalam arena global, serantau mahupun dalam negeri. Yang Berhormat Yang Dipertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, sepertimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, antara lainnya mengenai muzakarah yang berterusan.

Mengenai muzakarah berterusan ini kaola ingin mengucapkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada semua Ahli Yang Berhormat atas sokongan serta pendekatan yang berterusan yang diberikan khususnya bagi sama-sama memberikan buah fikiran dan sama-sama merangka dan melaksanakan program ataupun usaha yang akan, sedang dan telah dirancang oleh kementerian-kementerian demi pembangunan negara yang mantap. Kaola berharap, usaha ini diteruskan sama ada secara permuzakarah atau lawatan dan seumpamanya.

Sebelum kaola mengakhiri Ucapan Penangguhan ini, kaola sukacita mengucapkan penghargaan yang setinggi-tingginya dan terima kasih

kepada Yang Dimuliakan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Timbalan Jurutulis dan seluruh kakitangan Jabatan Majlis Majlis Mesyuarat yang telah sama-sama menjayakan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini dengan lancar dan teratur.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dengan bertawakal kepada **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** maka kaola mengusulkan agar Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2021 ini, ditangguhkan.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas Ucapan Penangguhan yang dibuat yang telah mencadangkan bagi mesyuarat kita bagi kali ini ditangguhkan.

Sekarang saya mempersilakan pula Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama untuk memberikan ucapannya.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Ugama: **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ** Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekaliannya. Kaola mengucapkan terima kasih atas kesempatan yang keemasan ini dan kaola berusaha sedaya upaya supaya ucapan kaola tidak memakan masa yang panjang.

Pertama sekali kaola ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Yang

Di-Pertua atas kelancaran majlis di bawah kepimpinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan juga kepada kedua-dua Jurutulis yang membantu serta sekalian pegawai dan kakitangan sokongan di Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat ini.

Terima kasih kaola juga kepada rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat terutama sekali yang terdiri daripada Ahli-Ahli Dilantik dari kalangan Orang-Orang Yang Bergelar, Ahli Yang Dilantik dari kalangan Orang Yang Telah Mencapai Kecemerlangan dan Ahli Yang Dilantik mewakili Daerah-Daerah. Sambil itu, kaola ingin menyampaikan memohon maaf yang banyak kepada sekalian di sini, kepada Yang Berhormat Yang Dipertua dan rakan-rakan di sini dan di sebelah sana.

Mohon maaf ini sangat penting kaola dahulukan Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kerana kitani pun mengetahui bahawa maaf hanya akan dapat kitani sampaikan ataupun pohonkan sesama kitani hamba Allah ini semasa hayat, tidaklah diketahui bila masa ada umur ini diketahui, bila tibanya ajal maut dan sebagainya.

Ini penting kaola dahulukan kerana kitani ketahui apabila datang ajal, tidak dapat mendahulukan atau mengakhirkannya firman Allah:

فَإِذَا جَاءَ أَجْلُهُمْ لَا يَسْتَأْخِرُونَ

Bermaksud: "Apabila sudah tiba ajal maut seseorang itu ia tidak dapat mengedepkannya, mengawalkannya ataupun menangguhkannya".

Jadi, mudah-mudahan semasa umur kaola ini kaola mendapat kemaafan daripada Yang Berhormat sekalian yang ada di sini atas kesalahan-kesalahan kaola yang zahir, nyata zahirnya, sama-sama kitani hindari daripada tingkah laku, perbuatan dan percakapan. Sementara yang biskita tidak ketahui, mungkin biskita 'mengelimit' saya dan sebagainya, begitulah juga saya, maka saya dengan ikhlas memohon sama-sama kitani saling bermaafan.

Balik semula kepada kedudukan kitani dalam Majlis ini Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola selalu berfikir di luar daripada kotak pemikiran di mana kaola berada. Kitani melihat kedudukan kitani di sini lain daripada kedudukan di dewan-dewan parlimen atau di mana-mana dewan di luar negeri.

Kitani duduk sebelah menyebelah, kiri dan kanan Yang Berhormat Yang Di-Pertua, menghadap Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan di atas Yang Berhormat Yang Di-Pertua itu ada *تَبَرَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ* dan lambang majlis ini: "Adil, Laila Bahagia".

Kitani tidak bertentangan, berseberangan dalam erti kata, bertentang-tentangan tetapi kitani duduk dalam erti kata, seiring, sebahu sejalan, sebahu dan dengan itu maknanya kitani memikul beban yang sama, demi apa yang tertulis "*تَبَرَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ*" dan juga dengan hajat untuk mencapai falsafah atau moto besar daripada majlis ini yang menjadi dasar pemerintahan kitani iaitu: "Adil, Laila, Bahagia".

Jadi sejauh itu, tentulah kita dapat berkhidmat. Kita dalam penggal ini, ataupun sebelumnya, kita melaksanakan khidmat kitani sebagai Ahli-Ahli Yang Berhormat sama ada Ahli Rasmi atau Ahli Yang Dilantik mengikut kategorinya. Jadi, sejauh mana khidmat kitani itu dapat dinilai memenuhi hajat dan sebagainya, kitani berusaha sedaya upaya.

Bagaimanapun nilai terakhir yang dapat kitani yakini daripada keterangan yang diperolehi oleh *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* juga mengingatkan: "Bahawa seseorang itu tidak dibebankan melainkan atas asas keupayaannya",

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ,

Jadi, seseorang itu ayat yang biasa dibaca, malah menjadi zikir. *اللَّهُ* tidak membebankan seseorang itu dengan tanggungjawab melainkan apa berdasarkan kemampuannya atas dasar itu dia mendapat pahala kebaikan dan atas dasar itu juga dia akan mendapat balasanya kalau perbuatannya buruk.

Dalam pada itu, hamba Allah yang sedemikian itu ditentukan oleh *اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* seperti kita inilah yang ditakdirkan, meminta berdoa dan mendoakan: *رَبَّنَا وَلَا تُحِبِّدْنَا مَا لَنَا طَاقَةٌ لَنَا بِهِ*

Jadi kitani berdoalah semoga Allah tidak akan mendatangkan apa-apa siksaan ke atas yang tidak dapat melakukannya atau lupa melakukannya, dan jangan sekali-kali kita dibebankan oleh bebanan-bebanan orang-orang yang terdahulu daripada kita. Jadi atas dasar itulah kitani bersyukur telah berada di Dewan ini dan

telah dapat menjalankan tugas khidmat kitani sedaya upaya yang mungkin.

Kemudian sejauh mana khidmat kitani itu dinilai, kaola sukacita menarik perhatian Dewan kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berangkat merasmikan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas ini yang antaranya baginda ada menyebutkan yang baginda memerhatikan Ahli-Ahli Yang Berhormat terutama sekali Ahli-Ahli Berhormat Yang Dilantik yang mengadakan muzakarah dengan kementerian-kementerian.

Tentulah perhatian baginda ini untuk menilai sejauh mana khidmat kitani sekalian. Biskita yang datang bermuzakarah dengan kami dan kami yang menyambut biskita untuk sama-sama muzakarah. Jadi sejauh mana kita melaksanakannya dengan sempurnanya adalah dalam perhatian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Jadi mungkin kitani merasakan ada yang tidak cukup, seolah-olah misalnya setahun sekali itu tidak memadai dan rakan-rakani mengatakan ertinya Ahli-Ahli Yang Berhormat boleh datang berhubung atau berbincang ataupun menyampaikan apa jua perkara-perkara yang perlu disampaikan kepada kerajaan.

Kaola sukacita Yang Berhormat Yang Di-Pertua dapat 'mengulungkan' sedikit fikiran supaya muzakarah sedemikian itu lebih diaktifkan, tidak hanya setahun sekali. Caranya apa, caranya ialah misalnya Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat ini mengadakan satu, mengaturkan perjumpaan - perjumpaan yang ditentukan jadualnya dalam setahun itu.

Perjumpaan-perjumpaan itu bolehlah dibahagikan mengikut kategori isu yang berbangkit ataupun kategori perkhidmatan kerajaan misalnya kategori keselamatan, kategori sosial, kategori agama yang termasuk dalam sosial, pendidikan sosial dan kebajikan dan sebagainya termasuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dihajatkan oleh orang ramai dan sebagainya.

Ini boleh diselaraskan lagi dengan mekanisme yang ada di Jabatan Perdana Menteri iaitu Jabatan Penerangan. Kaola teringat masa kitani Yang Berhormat Pengerusi, barangkali Yang Berhormat Pengerusi menjadi ketua kaola pada masa itu Jabatan Setiausaha Kerajaan, bila mengaturkan semacam satu dialog atau muzakarah kitani namakan antara *interest group* dalam kalangan orang ramai dengan kerajaan.

Jabatan Penerangan dengan pimpinan Pejabat Setiausaha Kerajaan pada masa itu sebelum menjelang merdeka, diberikan *task* atau taqlid untuk berhadapan dengan orang ramai menerangkan dasar-dasar kerajaan dan cuba menyelesaikan mencari huraian-huraian bagi menyelesaikan isu-isu yang berbangkit, bukan sahaja isu sosial, tetapi juga isu keselamatan dan politik.

Keupayaan Jabatan Penerangan bukanlah mampu, pengarahnya mampu, pegawai-pegawainya tetapi ialah dengan mengaturkan dengan rata, kalau isunya isu tanah maka *interest group* yang berkenaan itu diaturkan oleh Jabatan Penerangan ke Pejabat Tanah.

Begitu juga dengan isu pendidikan, pelajaran, isu agama dibawa ke sana. Jadi isu itu dikenal pasti oleh Jabatan Penerangan dan kerana itu boleh dikenal pasti oleh jabatan Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dengan itu, menentukan *interest group* yang ada dalam kalangan ahli-ahli, dapat berjumpa, fokus kepada masalah-masalah yang dihadapi.

Kaola merasakan Yang Berhormat Yang Di-Pertua sendiri barangkali pada masa itu dapat merasakan bahawa kejayaan kerajaan berhadapan dengan orang ramai mengatasi beberapa ekspektasi dan sebagainya, mana yang berat mana yang ringan adalah hasil daripada kesepaduan dalam kalangan kerajaan pada masa itu dibawah Pejabat Menteri Besar dan Pejabat Setiausaha Kerajaan.

Jadi hal sedemikian, kaola rasa dapat memenuhi hajat kitani, taqlid kitani melaksanakan tanggungjawab kitani sebagai Ahli Yang Berhormat. Setelah kitani melakukan sedemikian itu ada ikhtiar-ikhtiar namanya dan pada masa itulah akan benarlah apa yang dikatakan oleh **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** bahawa kitani tidak akan dibebankan melainkan keupayaan kitani. Kalau kitani membiarkan beban datang, tetapi kitani tidak berusaha dengan sebaik-baiknya maka kitanilah tergolong dalam **وَعَلَيْهَا مَا أَكْتَسَبَتْ** itu orang-orang akan menerima balasan

buruknya atas perbuatan buruknya, ertinya tidak ada ikhtiar dan sebagainya. Apa yang kaola ingin sampaikan sementara umur masih ada ini Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan kaola sekali lagi memohon maaf di samping memohon ucapan terima kasih yang penting bagi kaola ialah kitani mesti menyedari Dewan ini sangat bermakna kepada negara.

Kembali semula kepada penubuhannya 17 tahun yang lalu, penubuhan semula sebenarnya di bawah Perlembagaan 1959 yang disusun semula pada tahun 2004 dibawah peruntukan perlembagaan itulah wujud semula dan kewujudannya itu dengan titah Kebawah Duli Yang Sangat Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat terang dan jelas sebagai satu forum atau wadah bagi perbincangan kerana kitani orang Brunei mengikut titah itu mempunyai cara-cara untuk bermesyuarat, berunding, menyampaikan apa-apa jua perkara mengikut cara kitani.

Kitani cubalah menghidupkan semangat yang terkandung dalam, kalau dapat kaola menyebutkan Yang Berhormat Yang Di-Pertua barangkali tidak payah kitani huraikan, kitani ani mampu membaca dan memahami isinya, walau kitani akan berkhidmat kepada Brunei ini, kitani memahami apa sebenarnya Brunei ini pemerintahan, berajanya itu dimana asasnya yang menjadikan kitani kuat berpegang kepada pemerintahan kitani dan kaola rasa masing-masing memang terdapat iaitu dokumen-dokumen perlembagaan dan *constitutional document* 2004 boleh didapati kaola

mem*promote* untuk penjualannya bagi Pejabat Peguam Negara.

Jadi itulah Yang Berhormat Pengerusi, kaola sekali lagi mengucapkan terima kasih dan memohon maaf, mudah-mudahan umur panjang sempat Yang Berhormat Yang Di-Pertua memaafkan dan daripada kaola kalau takdirnya ada rasa-rasanya biskita jangantah biskita datang memohon maaf dengan ini saya mengatakan saya memaafkan.

Sama-samalah kitani saling memaafkan.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Menteri Pertahanan II.

Yang Berhormat Menteri Pertahanan II:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita bersyukur ke hadrat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** kerana kurnia izin taufik dan hidayah-Nya jua kita telah bersama bermesyuarat pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2021 selama 11 hari dalam suasana muhibah dan bersilatullahim bagi percambahan pemikiran, perbincangan dan perbincangan isu-isu pentadbiran dan dasar kerajaan serta kemajuan dan hala tuju pembangunan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, lebih dahulu kaola dengan penuh hormat dan setulus ikhlas sukacita merakamkan ucapan tahniah yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana telah dapat memimpin dan memandu persidangan Majlis Mesyuarat Negara di Dewan yang mulia ini dengan penuh kebijaksanaan, ketabahan, adil dan saksama.

Begitu juga ucapan penghargaan dan terima kasih tujuan kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas kerjasama, sokongan dan panduan yang diberikan sepanjang permesyuaratan ini.

Penglibatan dan kerjasama Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam sama-sama menjayakan permesyuaratan ini juga menggambarkan tahap perhatian ketelusan dan komitmen yang tinggi ke arah menjunjung setinggi-tingginya dan menanai hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Dewan ini sebagai wadah untuk bertukar-tukar fikiran mengongsikan pandangan yang membina, menerima cadangan dan juga mendengar isu-isu semasa ke arah meningkatkan perkhidmatan dalam menjamin kemanan dan kedaulatan negara di samping memfokus usaha berganding bahu dan bersepadu

merealisasikan matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035.

Kepentingan dan manfaat platform peramesyuaran ini tidak lagi dapat disangkalkan terutamanya dalam konteks usaha kita untuk memperkasakan *Whole Of Government* dan *Whole Of Nation Approach*. Kita sememangnya tidak lagi mempunyai pilihan untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab kita mengikut budaya kerja silo yang isu-isu yang kita hadapi ini semakin hari semakin bersangkut paut mengikut arus iklim semasa.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ, kejayaan negara mengawal jangkitan wabak *COVID-19* jelas memancarkan hasil dan pulangan besar daripada pelaburan kita dalam menandai kaedah ini dan juga seterusnya menyerlahkan semangat kecekalan atau ketahanan kita dalam menghadapi situasi-situasi yang mencabar.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, seperti yang digariskan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Tahun Kewangan yang lalu 2020/2021 merupakan tahun yang mencabar terhadap kedudukan fiskal negara kerana tidak ketentuan harga minyak dunia, di samping cabaran pandemik *COVID-19*.

Selaras dengan misinya Kementerian Pertahanan berperanan untuk mengekalkan persekitaran yang selamat dan stabil iaitu kriteria asas dan utama bagi pembangunan ekonomi negara.

Walaupun pertahanan pada amnya tidak berperanan sebagai sebuah institusi yang menjanakan hasil secara langsung untuk negara namun Kementerian Pertahanan terus menyahut seruan kerajaan bagi mempraktikkan penjimatan dan mengurangkan pembaziran serta menitik beratkan *value for money* dan efisiensi termasuk projek-projek di bawah Fiscal Consolidation Programme seperti Projek *Facilities Management dan ScanEat*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, اللّٰحْمَدُ لِلّٰهِ di bawah tampuk kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam إِنَّ شَاءَ اللهُ Kementerian Pertahanan akan terus berkembang maju dan komited dengan peranannya berdasarkan 3 tunggak utama Kementerian Pertahanan yang kaola huraikan secara mendalam di mukadimah kaola sebelum ini iaitu:

1. Keupayaan Cegah Rintang dan Respons;
2. Diplomasi Pertahanan
3. Pertahanan Holistik

Ketiga-tiga tunggak ini membawa kepada keyakinan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk untuk hidup dengan aman damai dan harmoni memupuk kefahaman dan ketelusan antara negara sahabat dan mengerakkan Kementerian Pertahanan untuk berdampingan dan bekerjasama dengan agensi-agensinya kerajaan yang lain, agensi-agensinya bukan kerajaan sektor swasta dan juga orang ramai.

Justeru itu, Kementerian Pertahanan akan terus mempertingkatkan semangat jitu dan keperluan sejati dalam mewujudkan serta membina efektif untuk membangunkan sebuah angkatan bersenjata walaupun dalam bilangan yang kecil pada kelihatannya tapi ia bersepadu dan unggul dalam pertahanan.

Atas berkat dan kepimpinan kebijaksanaan dan berpandangan jauh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang tidak lama lagi akan mencapai usia 60 tahunnya, pelbagai detik penting perkembangan telah direalisasikan yang merangkumi pembangunan sumber tenaga manusia, keupayaan, kerjasama diplomasi pertahanan, penglibatan dalam operasi serantau dan antarabangsa serta penubuhan beberapa *enablers* pada dukungan operasi.

Dengan itu, trajektori Kementerian Pertahanan ke arah era transformatif diharapkan akan melalui satu detik yang signifikan dengan pelancaran Kertas Putih Pertahanan baharu yang akan menggariskan prinsip dan strategi pertahanan serta pelan pembangunan, keupayaan terkini Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di mana akan terus menjadi panduan utama Kementerian Pertahanan dalam membuat perancangan serta pelaksanaan jangka pendek, sederhana dan panjang.

Seperti yang kaola kongsikan, semasa ucapan mukadimah minggu yang lalu

Kertas Putih Pertahanan ini **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan direalisasikan menjelang satu siri mercu tanda signifikan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang akan menyambut Jubli Intan penubuhannya pada hujung bulan Mei tahun ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua sebagaimana juga Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ke 58, baginda antara lain bertitah:

"Kita amat beruntung dikurniakan keamanan, dimana tanpa keamanan semua usaha pembangunan sukar untuk dilaksanakan dann dengan adanya pembangunan pula, kenikmatan hidup pun dapat di rasai".

Baginda juga menyeru supaya kita semua sedar, untuk jangan lalai dengan kenikmatan itu dan untuk ingat bahawa ancaman-ancaman serantau dan global adalah dinamik, cepat dan merentas sempadan.

Dalam kesempatan ini, kaola sukacita ingin menekankan sekali lagi kepentingan pertahanan holistik untuk negara dan rakyat, yang mempunyai kebaikan yang tidak terbilang dan tiada ukuran dengan ini setentunya diberikan keutamaan dan sekali-kali tidak boleh dikompromi.

Ternyata dengan usaha gigih Ahli-Ahli Yang Berhormat lebih-lebih lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berperanan

diperingkat akar umbi dan sekalian yang hadirin dan hadirat di Dewan yang mulia ini. Kita dapat melaksanakan kemajuan negara secara teratur dan berkesan, rakyat dapat memilih cara hidup melalui prinsip budaya dan espresi masyarakat di negara ini dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** Negara Brunei Darussalam bumi bertuah akan kekal menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka dan berdaulat bersendikan ajaran Islam menurut Ahli Sunnah Wal Jemaah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian, bagi mengakhir ucapan ini peramba, kaola, saya bersama warga besar Kementerian Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei menjunjung dan menjemput Ahli-Ahli Yang Berhormat dan hadirin dan hadirat di Dewan yang mulia untuk sama-sama memanjatkan doa agar Negara Brunei Darussalam yang kita cintai akan kekal aman makmur dan berdaulat .

Semua perancangan kemajuan dan Wawasan Brunei 2035 akan tercapai dan semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, raja adil yang berdaulat yang dikasihi dilanjutkan usia dan sentiasa sihat walafiat kekal arar memerintah negara di atas singgahsana.

Dengan berbekalkan niat yang suci dan ikrar taat setia yang tidak berbelah bagi hadapan Majlis Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerajaan baginda, kita juga sama-sama berdoa agar barisan benteng pertahanan dan institusi keselamatan negara dengan penuh tawakal akan melangkah berkeyakinan hadapan beserta usaha yang tidak pernah kenal lelah dan pantang menyerah kalah dalam memikul amanah besar ini, berpegang pada ikrar "Biar jasad berkecai, tidak seinci bumi Brunei akan tergadai".

Dengan izin **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** tanah tumpah yang kita pertahankan Negara Brunei Darussalam selaku sebuah Negara zikir akan terus dilimpahkan rahmat dan keberkatan serta kekal di lindungi daripada sebarang musibah dan mala petaka **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**. kaola juga menyokong bagi persidangan ini di tangguhkan dan mengakhiri dengan ucapan:

اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي رَجَبٍ وَشَعْبَانَ وَبَلِّغْنَا رَمَضَانَ
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

.Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih Yang Behormat Yang Di-Pertua dan Ahli -Ahli Yang Berhormat.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

Kaola lebih dahulu setinggi-tinggi tahniah dan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang telah memimpin dan menguruskan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuarat ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini dari awal hingga akhir dengan penuh sabar adil dan penuh kewibawaan.

Kaola juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli Rasmi Kerana Jawatan yang mendengar, menerima cadangan dan seterusnya mmeebri penerangan dan apa yang kaola hargai ramai yang turut memberi nasihat atas Usul-Usul dan kenyataan dan pertanyaan yang dibawa.

Kaola tidak lupa mengucapkan terima kasih banyak-banyak kepada Yang Dimuliakan Jurutulis, Yang Mulia Timbalan Jurutulis, semua pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas bantuan dan sokongan yang telah diberikan. Tidak lupa juga sokongan daripada agensi yang hadir di dalam Dewan Majlis ini mahupun orang ramai yang mengikuti di luar sana.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, jika kita ingati pada tahun 2017, di Dewan Majlis ini bergema suara belia menyuarakan pendapat, berbincang dan bersama-sama terlibat dalam Musim Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara. Tahniah diucapkan kepada kitani semua kerana mengupayakan belia untuk sama-sama terlibat dalam pembangunan negara secara aktif.

Jika kaola bandingkan dengan 10 ke 15 tahun dahulu, bila kaola mula terlibat dalam kerja belia, yang pada masa itu cuma penglibatan belia secara *tokenastic*, tetapi sekarang kitani sudah ada pengerusi-pengerusi *NGO*, ketua-ketua kampung malah *CEO* dah Ahli Majlis Mesyuarat Negara sendiri dari kalangan belia.

Kaola menyarankan untuk kitani pastikan ada perwakilan belia di dalam Dewan Majlis ini kerana kitani membincangkan masa depan negara dan nasib anak bangsa dan belia inilah nanti yang akan menghadapinya dan memimpin kitani pada masa hadapan.

Seperkara lagi, dunia semakin berubah dan kerjaya yang bertahan dalam satu tempat bekerja sampai bersara, dulunya adalah norma biasa tapi sekarang trend kerjaya adalah untuk mencari peluang serta peningkatan yang lebih baik. *Non-traditonal sector* yang belum ada dahulu sekarang makin banyak peluang kerjaya seperti pemandu-pemandu *e-Hailing Dart* contohnya, *potohographer* dan *videographer* malah disebut juga *e-Athlet* dalam *e-Sport industry* kreatif dan lain-lain.

Sama-sama kitani naikkan taraf mereka ini dengan *record nation* (pengenalan) yang sama diberikan kepada penjawat awam dan pekerja swasta dengan dasar-dasar yang menyokong. Contohnya, jika mereka memohon pinjaman bank untuk meneruskan perusahaannya untuk dikenali, undang-undang dan peraturan diselaraskan dengan keperluan mereka malah sokongan diberikan untuk

menerima anugerah-anugerah dan juga pingat-pingat kehormatan negara.

Yang Berhormat Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, terakhir sekali di dalam Dewan Majlis ini, dalam pengamatan kaola, perbincangan kitani setentunya untuk masa depan negara, isu-isu yang dibangkitkan adalah suara orang ramai serta juga dapatan-dapatan profesional.

Apa juga tindakan mengenainya jika barang itu baik, selesaikanlah dengan segera, janganlah dilambat-lambatkan. Kita tidak mahu mendengar orang ramai mengeluh kerana permohonan atau permasalahan orang kitani belum ada jawapan kerana tiada peruntukan, tiada pegawai atau kakitangan yang menguruskan atau tiada peraturan mengenainya.

Jika tiada peruntukan, rancang dan pohonkan dengan sebaiknya atau bekerjasama dengan sumber kewangan yang bersesuaian. Jika tiada pegawai atau kakitangan betulkan urus tadbir kitani dengan sumber tenaga manusia dijalankan dengan baik dan jika tiada peraturan gubal dan usahakan dasar-dasar tersebut sebaik-baiknya.

Itu sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sekian **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan Ucapan Penangguhan daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon: **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**

**الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَيَّ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat dan salam sejahtera.

الْحَمْدُ لِلَّهِ , kaola bersyukur ke hadarat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** kerana dengan izin-Nya juga Persidangan Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara telah pun bersidang dengan jayanya.

Kaola turut bersyukur ke hadrat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** kerana dengan rahmat-Nya juga persepakatan telah pun dapat dicapai dalam semua perkara, khususnya dalam membincangkan dan meluluskan Rang Undang-Undang (2021) Pebekalan, 2021/2022 bagi semua kementerian-kementerian.

Semoga dengan berkat serta rahmat **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** juga akan dapat membolehkan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melaksanakan rancangan pembangunan negara dengan teratur dan berjaya demi meningkatkan tahap kemajuan ekonomi dan sosial serta menjamin kesejahteraan rakyat Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dengan penuh hormatnya kaola sukacita ingin menyampaikan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana

kebijaksanaan dan kepimpinan yang setinggi-tingginya Yang Berhormat Yang Di-Pertua dibantu oleh Yang Dimuliakan Jurutulis, Timbalan Jurutulis serta kakitangan, serta dengan kepatuhan dan kesediaan semua Ahli Yang Berhormat menerima apa jua teguran dan arahan maka Persidangan Majlis Mesyuarat Negara dapat dipimpin dengan baik, lancar, penuh dengan suasana yang harmoni.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ , sepanjang sesi perbincangan dan perbincangan kita di Dewan ini, abiskaola dapat menyampaikan apa juga isu persoalan, cadangan dan ia dapat diterjemahkan dalam jawapan balas dari Ahli-Ahli Yang Berhormat, terima kasih.

Namun, selaku Ahli Majlis Mesyuarat Negara Yang Dilantik mewakili Zon adalah terhad untuk menyampaikan apa juga hasrat, pandangan, cadangan dan keluhan penduduk dalam majlis permesyuaratan ini, maka abiskaola dengan berbesar hati dan sukacita mengambil baik akan saranan Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet yang telah memberi ruang dan keizinan untuk abiskaola berhubung terus ke kementerian-kementerian berkenaan untuk merungkai apa juga permasalahan dan isu yang dihadapi di samping memberi pandangan dan cadangan yang boleh difikirkan diteliti bersama.

Majlis Muzakarah Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara bersama kementerian-kementerian adalah satu platform dan satu inisiatif yang terbaik yang telah dilaksanakan sejak tahun kebelakangan ini untuk duduk berbincang dari perkara sekecil-kecilnya

sehinggalah melibatkan perkara dasar dalam kementerian. Itulah kekuatan muzakarah ataupun musyawarah yang boleh menghasilkan kesepakatan dan kesatuan dalam satu organisasi.

Kita junjung perintah **اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dalam surah As-Syura Ayat 38 yang tafsirnya: "Dan urusan mereka diputuskan dengan mesyuarat sesama mereka" dan hadis Nabi **محمد صلى الله عليه وسلم** yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik Radi Allahu Anhu itulah "Tiadalah menyesal sesiapa yang beristikharah dan tiadalah kecewa sesiapa yang berunding dan bermesyuarah".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola sukacita ingin merujuk semula akan kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassalan Bolkia Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyauratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2021 yang mana baginda bertitah akan isu Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP).

Boleh sahaja dibincangkan bagi merungkai persoalan-persoalan umum mengenainya, justeru seperti yang kaola sampaikan dalam ucapan kaola pada membahar Usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang lalu

iaitu berkenaan dengan cadangan-cadangan agar caruman TAP dan SCP dari pihak kerajaan dapat dinaikkan atau ditambah dengan metologi yang tepat dan tidak membebankan pihak kerajaan.

Kita sedia maklum bila pegawai kerajaan berpencen tidak lama lagi akan ke penghujungnya kecuali jawatan-jawatan tertentu dalam perkhidmatan awam dan akan menyambut ialah pegawai-pegawai kerajaan yang menerima Skim Simpanan Caruman Pekerja (SCP).

Ada sedikit kebimbangan yang sering dipersoalkan dan diutarakan oleh orang ramai khususnya pegawai-pegawai awam TAP dan SCP, bilamana sudah tiba masa menerima pada hari persaraan 60 tahun nanti, di samping kurnia pencen tua apakah ia mencukupi dan mampu menjamin kehidupan seharian mereka, ditambah lagi isu pengagguhan dalam kalangan belia atas kesulitan mencari pekerjaan tetap dan terjamin sehinggakan pada umur belia pun masih sahaja ditanggung oleh ibu bapa yang hanya berharap daripada hasil simpanan TAP dan SCP setiap bulan.

Perbezaan jumlah yang ketara dari penerima baksis dan pencen bulanan dengan TAP dan SCP ini mendesak kita untuk kita berfikir semula, jika ada kaedah atau maka nisbah yang terbaik merapatkan jurang antara kedua-duanya, akhirnya kehidupan rakyat dan penduduk akan terjamin dan selesa dari persaraan. Maka dalam persidangan yang mulia ini kaola menyeru agar ia dapat dibincangkan semula sehingga ke peringkat pemegang dasar demi untuk menangkis kekhuatiran ini.

Semoga ia dapat melahirkan kehidupan rakyat yang sejahtera sesuai dengan matlamat Wawasan Brunei 2035 iaitu untuk melahirkan rakyat yang mempunyai kualiti kehidupan yang tinggi.

Sekian sahaja dahulu daripada kaola dalam Ucapan Penangguhan ini. Kaola ingin memohon maaf atas segala kesilapan dan kekurangan sepanjang mengikuti Persidangan Majlis Mesyuarat ini.

Akhirnya, sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara.

Kaola bersyukur kerana diberi peluang bagi menyampaikan Ucapan Penangguhan. Lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih dan tahniah penghargaan atas kesabaran Yang Berhormat Yang Di-Pertua dibantu juga dengan dedikasi Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis dan kerja keras semua pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Tahun 2020 menjadi satu tahun dalam sejarah dunia dan Negara Brunei Darussalam juga menghadapinya dengan perubahan yang berbeza. Beberapa tahun lepas kitani membincang mengenai persediaan ke arah Industri Revolusi Ke-4 tetapi kita sekarang menjalani kenyataannya, **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** untuk menjadi "*Smart Nation*".

Masyarakat telah bergabung senegara, bersatu untuk menyokong kerajaan mengawal pandemik *COVID-19* dengan simbol fizikal dalam pembinaan Pusat Pengasingan *National Extension* atau *NICE* dan ini mencerminkan makna sebenarnya semangat penduduknya.

Peningkatan aktiviti perindustrian melalui *FDI*, pengeluaran PKMS di negara menyokong perjalanan *Brunie Economic Blueprint* dan juga perkembangan perindustrian yang diajukan ke empat-empat daerah dan memberi lebih banyak peluang kepada rakyat.

Kaola ingin memberi beberapa cadangan:

1. Di bawah *Digital Economy Masterplan*. Lebih banyak yang dapat dilakukan untuk mengaktifkan rangkaian perniagaan antarabangsa dan hubungan *G to G* dalam memfilitasi ekosistem *digital* siap yang dapat ditawarkan kepada syarikat antarabangsa untuk *menginkubasi dan menginovasi* projek printis yang dapat ditingkatkan di rantau antarabangsa sebagai *Living Laboratory*. Perjuangan untuk meningkatkan *STEM* dan perkhidmatan sokongan

serta keupayaan penyelidikan dalam bidang ini mesti dipertingkatkan.

2. Untuk Negara Brunei Darussalam meningkatkan kedudukannya sebagai *Gateway to Borneo*, mendorong infrastruktur operasi semasa menjadi sistem yang lebih lancar antara darat, laut dan udara. Gunakan saat ini untuk mengintegrasikan sepenuhnya dan menetapkan *standard* kecekapan dan kebolehpercayaan ketika *unified* semua *mode* pengangkutan yang dapat dikhaskan untuk sektor logistik yang memberi perkhidmatan yang efektif dan efisien, terutamanya di Pulau Borneo dan *BIMP-EAGA* untuk dijadikan *International Transport*. BN.

Negara ini ada kemampuan komitmen untuk melaksanakan peningkatan dalam strategi dan rangka tindakan. Kaola mengucapkan tahniah ke atas dedikasi Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan cara telus menyampaikan maklumat mengenai peranan kementerian masing-masing dalam menuju ke hadapan dan perkongsian cabaran yang masih dihadapi.

Perubahan sahaja tidak selalu datang dengan rela tetapi kemungkinan perubahan sangat penting bagi sesebuah negara untuk maju dalam wawasannya sendiri.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua kaola ingin menutup dengan pantun yang ringkas;

Negara Beraja kami mendaulatkan, Keadilan memerintah di dalam tangan, Penduduk senegara menyumbang ke atas perancangan, Pencapaian wawasan memang dalam pelaksanaan.

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Saya persilakan seterusnya Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dengan hati yang tulus ikhlas, kaola ingin merakamkan yang setinggi-tingginya tahniah dan penghargaan ke atas kebijaksanaan dan kesempurnaan kepimpinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua sepanjang permesyuaratan di Dewan yang mulia ini.

Terima kasih juga kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas kecekapan dan kerjasama kepada abiskaola sepanjang permesyuaratan ini.

Dalam Ucapan Penangguhan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas, Majlis Mesyuarat Negara, kaola ingin menekankan lagi supaya apa saja yang telah dibincangkan dan dipersetujui akan dilaksanakan dengan segera oleh pihak-pihak yang berwajib

untuk mengelak perkara-perkara tersebut dipersoalkan lagi. Ini juga akan lebih memberikan keyakinan kepada masyarakat terhadap pengurusan pihak kerajaan yang serba mencabar ini.

Walaupun kita sedikit terpukul dengan pandemik *COVID-19* tahun lepas, **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** kita kekal tegar dalam menghadapi pelbagai cabaran yang melanda negara. Sifat kerprihatinan dan semangat yang ditunjukkan pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan rakyat jelata jelas terpancar melalui inisiatif-inisiatif yang dilakukan sehingga kini.

Kita mempunyai semangat juang yang tinggi untuk mengubah kehidupan kita ke arah yang lebih baik, mampan dan sihat. Kita menyedari betapa pentingnya perpaduan dan kepercayaan yang kukuh antara pihak kerajaan dan masyarakat sepanjang menghadapi cabaran pada saat-saat genting ini dan ini menunjukkan bahawa kita mampu menghadapi apa jua rintangan yang melanda negara kita.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, setiap tahun kaola tidak akan ketinggalan menyampaikan ucapan 'Hari Wanita' dan kaola rasa belum terlambat untuk kaola mengucapkan Selamat Hari Wanita Antarabangsa kepada para wanita yang hadir di dalam Dewan ini dan seluruh Negara Brunei Darussalam.

Dalam kesempatan ini kaola ingin menyokong kenyataan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari untuk memberikan peluang kepada

wanita-wanita negara kita yang berkecukupan dan berkemampuan untuk menggalas jawatan-jawatan yang lebih tinggi. Jawatan sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara adalah salah satu jawatan yang kaola rasa boleh diberikan peluang kepada lebih ramai wanita dan tidak mustahil nanti kita juga boleh mempunyai seorang menteri wanita yang pertama di Negara Brunei Darussalam. Kaola percaya ramai wanita kita yang berpotensi dan berkemampuan dalam menjalankan tugas yang diamanahkan jika mereka diberikan ruang dan perkembangan diri dan peluang yang saksama.

Sepanjang beberapa tahun kebelakangan, negara telah meraih banyak perubahan dan perkembangan yang sangat positif termasuk peningkatan ketara dan ketelusan pihak kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan dalam pelbagai perkara terutama sekali perkara-perkara yang telah diberitakan dan diungkayahkan bersama orang ramai, kerjasama padu bersama pelbagai pihak industri juga telah banyak dilihat terutama sekali dalam meningkatkan pemerikasaan anak-anak tempatan dan belia negara melalui pemberitaan mengenai tanggungjawab mereka sebagai aset penting negara.

Kaola juga berharap bahawa semua perancangan penting yang telah dilaksanakan oleh pihak yang tertentu akan selalu dipantau dengan lebih dekat termasuklah dengan menguatkuasakan pelaksanaan akta-akta yang sedia ada. Dalam masa yang sama *deliverables* bagi projek-projek yang diungkayahkan oleh

pihak yang tertentu hendaklah lebih cepat kerana kita tidak mempunyai banyak masa lagi untuk mencapai Wawasan Brunei 2035.

Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ketujuh Belas Majlis Mesyuarat Negara telah pun sampai ke penghujung. Syukur atas limpah rahmat-Nya, rakyat dan negara dengan berkat kepimpinan berwibawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah berusaha sebaik mungkin dalam memastikan perkembangan negara dan kesenangan rakyat dijaga dan masih mampu meluluskan sejumlah besar peruntukan perbelanjaan Tahun Kewangan 2021/2022. Ini jelas menunjukkan komitmen pihak kerajaan dalam memedulikan hal-ehwal dan keperluan masyarakat.

Kaola ingin memetik mutiara kata daripada George Pataki iaitu seorang *Attorney Politician* dari *United States of America*:

"This budget reflects a choice, but the the right choice. And when you think about it, the only choice. The choice to take the responsible, prudent path to fiscal stability, economic growth and opportunity."

Dengan memantapkan segala usaha dan inisiatif yang telah dilaksanakan sebelum ini kita akan dapat lagi membangunkan dan memajukan segala apa yang dirancang pada masa hadapan dengan melihat keberadaan kita bagi menuju ke arah menjayakan Wawasan Brunei 2035. Kaola juga ingin menyampaikan pantun:

Kita bersidang sebelas hari,
Mencari penyelesaian masalah negeri,
Hasil terbaik itu yang dicari,
Bagi membentuk rakyat mandiri.

Persidangan MMN hampirkan tamat,
Membincang belanjawan teliti dan cermat,
Semoga dibelanjakan penuh berhemat,
Negara tercinta makmur selamat.

Saya ucapkan selamat berpisah,
Saat perpisahan sampailah sudah,
Janganlah biskita merasa gundah,
Perpisahan ini bukan penyudah.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim kerana menaja pantun kaola.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
Terima kasih. Saya harap Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim

akan memberikan pantun yang lebih lagi daripada itu kemudian. Walau macam manapun saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri: بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat sekalian, syukur ke hadrat اللَّهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى kerana dengan izin dan rahmat-Nya jua negara dan kitani semua masih sahaja dapat menikmati keamanan dan kemakmuran serta seterusnya membangun dengan berkat dan daulat kepimpinan bijaksana dan berwawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kaola dengan penuh ikhlas mengucapkan tahniah yang setinggi-tingginya dan penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kewibawaan Yang Berhormat Yang Di-Pertua memimpin permuzakarahannya sama ada di peringkat Majlis Mesyuarat Negara mahupun di peringkat Jawatankuasa. Yang Berhormat Yang Di-Pertua juga memberikan pandangan dan saranan terhadap perkara-perkara

tertentu sepanjang permesyuaratan diadakan.

Terima kasih juga kaola ucapkan kepada Yang Dimuliakan Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta pegawai-pegawai dan kakitangan yang terlibat, yang cekap mengatur perjalanan permesyuaratan kita pada tahun ini. Ucapan penghargaan juga kaola tujukan kepada rakan-rakan sejawatan serta Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang dengan tulus ikhlas mengetengahkan isu-isu menjadi perhatian dan kepentingan rakyat dan penduduk di negara ini terutama bagi Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Selama lebih kurang dua minggu atau tepatnya 11 hari kita bersidang ini banyak perkara yang telah dikemukakan. Khusus bagi Jabatan Perdana Menteri segala saranan dan cadangan tersebut akan diteliti dengan mendalam dan holistik mengikut keutamaan selaras dengan usaha-usaha jabatan ataupun kementerian untuk mencapai pembangunan yang mampan, berdaya tahan dan untuk kepentingan bagi masa depan negara ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat.

Dalam kesempatan ini kaola menyentuh beberapa perkara yang Jabatan Perdana Menteri mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya seperti berikut:

- i. Jabatan Perdana Menteri mengambil perhatian serius mengenai gangguan *harassment* secara amnya terutama gangguan seksual atau *sexual harassment* di sektor Perkhidmatan Awam seperti yang dibangkitkan. Dalam hal ini Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Perkhidmatan Awam telah pun membuat satu inisiatif dalam penyediaan *SOP* atau Garis Panduan Gangguan Seksual sebagai tambahan kepada akta dan peraturan-peraturan yang ada berjalan pada masa kini seperti Peraturan-Peraturan Am, Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan, Kelakuan dan Tatatertib 1991 Penggal B Peraturan 29.
- ii. *Laws of Brunei Penal Code Chapter 22* Para 59 di bawah Tajuk *Word Gesture or Act Intended to Insult Modesty of Women*.
- iii. *Laws of Brunei Chapter 30 – Minor Offences - Act Part 3 Paragraph 19* Di Bawah Tajuk *Indecent Or Abusive Words, Etc.*; dan
- iv. Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah Penggal 4 - Bab 1997 di bawah Tajuk Perbuatan Tidak Sopan. Garis panduan ini dalam proses penilaian, penelitian lanjut sama-sama dengan pihak yang berkepentingan dengan mengambil kira pendekatan secara proaktif dalam meningkatkan kesedaran warga perkhidmatan awam yang juga boleh dilaratkan bagi kepentingan awam dan orang ramai mengenai dengan gangguan seksual

di tempat kerja secara khususnya dan tatacara untuk mengelakkan risiko dan menangani gangguan tersebut.

Garis panduan ini di jangka akan dihasilkan dalam bulan Julai tahun 2021 ini. Garis panduan tersebut bertujuan menerapkan *corrupt conduct* bagi tempat kerja dan sebagai rujukan kepada perkhidmatan awam. Menjelaskan garis panduan pengendalian kes-kes gangguan secara *comprehensive*. Memberikan panduan mengenai tindakan-tindakan yang perlu diambil oleh agensi berkuasa akan sebarang laporan mengenai aduan berkenaan berkaitan gangguan seksual dan memberikan panduan mengenai tindakan ke atas salah guna dan tindak-tanduk yang tidak bertanggungjawab seperti melaporkan tuduhan palsu.

Mengenai kemudahan-kemudahan dan faedah yang diberikan kepada pegawai dan kakitangan yang mengandung dan *the working mothers*, kerajaan akan sentiasa terus mengambil perhatian perkara tersebut secara khususnya bagi meneliti keperluan serta kesesuaiannya untuk dimasukkan dalam apa-apa juga peraturan yang berkaitan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Manakala, beberapa amalan-amalan terbaik (*best practices*) telah dan sedang dilaksanakan di agensi-agensi kerajaan tertakluk kepada pertimbangan dan kebijaksanaan atau budi bicara ketua jabatan masing-masing seperti memberi kelonggaran masa bagi perempuan yang mengandung dan telah bersalin.

Dengan isu yang berkaitan dengan pengisian jawatan-jawatan utama di sektor awam. Dalam hal ini, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama kementerian-kementerian, akan sentiasa memberikan perhatian kepada pengisian jawatan-jawatan utama dengan mempersiapkan pegawai-pegawai melalui program-program pembangunan kepimpinan yang ada. Tindakan bersepadu dari semua pihak terutama sekali penglibatan Setiausaha-Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, kementerian-kementerian berkenaan yang bertanggungjawab secara langsung ke atas pengurusan sumber tenaga manusia masing-masing adalah kritikal dalam memastikan keberkesanan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan seperti berikut:

- i. Mesyuarat pengisian jawatan kosong, secara *one on one* bersama semua kementerian secara berjadual telah dilaksanakan.
- ii. Memperkenalkan *stop gap measure* kepada syarat kenaikan pangkat bagi jawatan bertaraf Ketua Jabatan atau Pengarah dan dari Bahagian II Atau Bahagian I sebagai langkah jangka pendek.;
- iii. Pengemaskinian Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan: 12/2017 mengenai Kenaikan Pangkat Laluan Laju, KPLL bagi menangani isi *succession planning*.;
- iv. *Program CSLP* dan juga Bengkel Penyediaan Kertas Kerajaan akan diadakan secara berterusan dalam memastikan bahawa pegawai

kerajaan akan dapat memenuhi keperluan lantikan.;dan

- v. Garis panduan memangku jawatan-jawatan Bahagian I bagi sokongan kenaikan pangkat atau penetapan jawatan dalam perkhidmatan awam. Semua perkara ini sedang dilaksanakan dan akan terus dilaksanakan.

Menjaga Keamanan dan kestabilan serta mempertahankan kedaulatan undang-undang. Jabatan Perdana Menteri melalui kerjasama dengan agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan akan terus bertindak merangka strategi untuk memelihara kestabilan politik, mempertahankan negara serta menghubungkan keupayaan pertahanan dan keupayaan diplomatik dan juga persediaan negara dalam menangani ancaman keselamatan.

Ini termasuklah dalam meningkatkan kerja-kerja pembanteras jenayah dan pengukuhan keupayaan agensi-agensi berkepentingan dalam mengendalikan krisis-krisis nasional dan merentas sempadan terutama keadaan seluruh negara masih berhadapan dengan *COVID-19*.

Walau bagaimanapun, peranan menjaga keamanan dan keharmonian ini bukan hanya terletak di bahu agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan tetapi adalah juga tanggungjawab kita semua. Kerjasama Ahli-Ahli Yang Berhormat selaku pemimpin-pemimpin akar umbi, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung serta masyarakat seluruhnya adalah sangat-sangat diharapkan bagi

mempertingkatkan suasana aman serta membentasi jenayah. Sukacita kaola mengucapkan ribuan terima kasih kepada orang awam yang telah banyak membantu memberikan maklumat kepada pihak berkuasa dalam membantasi jenayah yang dengan bantuan orang ramai beberapa kes jenayah telah dapat diselesaikan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam permesyuaratan yang akan datang, kaola mengalu-alukan lebih banyak pandangan yang bernas dari Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi sama-sama membantu pihak kerajaan untuk menjana ekonomi, pendapatan negara, meningkatkan kualiti perkhidmatan dan sebagainya.

Kaola berasa amat gembira dan sukacita, Ahli-Ahli Yang Berhormat telah berusaha dan terus berusaha 'mengelingga' dan mengambil berat permasalahan rakyat dan orang ramai di kawasan Yang Berhormat masing-masing.

Di samping itu, adalah lebih digalakkan supaya apa-apa yang dikemukakan biarlah sama-sama diketahui dan 'dipayukan' antara sesama mereka sendiri. Dalam hal ini juga, kaola ingin menyeru sekali agar apa-apa jua permasalahan-permasalahan atau rungutan dikemukakan oleh masyarakat perlulah sama-sama kita cari jalan penyelesaian dan menjelaskannya kepada mereka yang mengajukan dengan cara memberikan mereka cara

atau jalan keluar dari permasalahan tersebut.

Jabatan Perdana Menteri berhasrat untuk menjemput Ahli-Ahli Yang Berhormat secara berseorangan atau berkumpulan pada masa akan datang untuk sama-sama duduk meneruskan perbincangan mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan dalam mesyuarat pada tahun ini. Pada bila-bila masa sahaja yang akan diatitkan oleh Jabatan Perdana Menteri, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*.

Harapan ini adalah seiring dengan saranan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Sebenarnya, perkara ini sedang diadakan dan diteruskan oleh Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Penerangan dengan program-programnya atau platform-platform terutama program-program PMB, Program Masyarakat Bermaklumat, Program Suamuka dan satu program baharu akan diperkenalkan iaitu Program Muzakarah Penerangan (*teleconferencing*).

Untuk akhirnya, biskaola mohon maaf kepada Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik jika terdapat jawapan-jawapan dan penerangan-penerangan yang abiskaola berikan kurang memuaskan dan kurang tepat serta tutur kata yang kurang sopan sepanjang kita bermesyuarat pada tahun ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, seperti biasa izinkan kaola menutup ucapan penangguhan ini dengan rangkap-rangkap pantun:

Nakhoda Ragam Nakhoda Manis,
Dua lagenda mengharum nama,
Berbagai ragam masam dan manis,
Berbincang berbahas faedah bersama.

Dulu berperahu berkayuh diam
membisu,
Sekarang berjambatan selesa harus
berhikmat,
Kitani berbahas pelbagai isu,
Persefahaman dipraktikkan hasilnya
nikmat.

Jambatan merentangi Teluk Brunei,
Terbilang terpanjang kebanggaan
negara,
Hasrat dan janji kitani hendaklah
ditunai,
Sesuai tah kitani dinamakan Ahli Mesyuarat
Negara.

Berbincang berbahas sesungguhnya hati,
Menyuarakan hasrat pendapat dan
harapan,
Rakyat mendengar berminat sambil
meneliti,
Berdoa mahukan negara maju
ke hadapan.

Selesai mesyuarat tunaikanlah tugas
dan kerja,
Keredhaan Allah kesejahteraan dan
kemakmuran diperolehi,
Brunei Darussalam Negara Melayu Islam
Beraja,
Di bawah pimpinan bijaksana raja yang
dikasihi.

Kaola dengan ini, menyatakan bersetuju
supaya permesyuaratan kitani
ditangguhkan.

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

Terima Kasih, Yang Berhormat atas Ucapan-Ucapan Penangguhan yang telah pun dibuat awal-awal tadi. Saya kira berpatutanlah sekarang persidangan kita ini kita tangguhkan dahulu dan **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** , kita akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang nanti.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)